

NO. SOALAN: 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN
AWANG [MARANG]**

TARIKH : 19.03.2018

SOALAN : 26

Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana hasrat Kerajaan untuk memperluaskan bidang kuasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) supaya tidak terhad hanya dalam proses siasatan sahaja bahkan diberi kuasa untuk mendakwa pesalah rasuah.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Yang Berhormat,

Malaysia adalah sebuah negara demokrasi bererlembagaan yang mengamalkan prinsip pengasingan kuasa. Perkara 145 (3) Perlembagaan Persekutuan menetapkan kuasa mutlak kepada

Peguam Negara untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding sesuatu kesalahan. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 pula memberikan kuasa kepada SPRM untuk **menyiasat** apa-apa kesalahan rasuah yang diperuntukkan di bawah Akta tersebut. Pengasingan kuasa pendakwaan dan kuasa siasatan oleh dua pihak berbeza adalah mekanisme '*check and balance*' yang dapat mengelak manipulasi atau salah guna kuasa.

Sekian, terima kasih.